

**Kerajaan Persekutuan Peruntuk RM423 Juta Naik Taraf Lebuhraya Pan Borneo -  
Shaziman  
Bernama  
9 April, 2012**

MIRI, 9 April (Bernama) -- Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM423 juta untuk menaik taraf Lebuhraya Pan Borneo dari Sabah ke Sarawak, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri Shaziman Abu Mansor.

Beliau berkata untuk peringkat permulaan, sejumlah RM100 juta akan dikeluarkan dalam masa terdekat untuk dikongsi kedua-dua negeri terbabit.

Di Sarawak, jalan sepanjang 217 kilometer dari Sibu ke Bintulu dan dari Bintulu ke Miri sepanjang 207 km akan jadi keutamaan, katanya kepada pemberita selepas melawat beberapa projek naik taraf jalan yang dibiayai kerajaan pusat, di sini pada Isnin.

"Kedua-dua laluan ini digunakan setiap hari oleh banyak kenderaan komersil dan kenderaan berat yang menuju ke Bintulu dan lain-lain pelabuhan di bahagian tengah negeri.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657844>